

## MATA PELAJARAN UMUM (MPU) PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN HOLISTIK

Ng Ming Yip<sup>1</sup>, Iswandi Harahap Bin Burhanuddin<sup>2</sup>

Universiti Selangor (UNISEL)

[mingyip@unisel.edu.my](mailto:mingyip@unisel.edu.my) , [iswandi@unisel.edu.my](mailto:iswandi@unisel.edu.my)

### ABSTRAK

Mata Pelajaran Umum (MPU) telah diperkenalkan dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti modal insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Dengan itu, MPU diharapkan mampu melahirkan graduan yang holistik dan mempunyai nilai-nilai murni serta jati diri beracuan Malaysia. Di Universiti Selangor (UNISEL), beberapa subjek MPU yang mendedahkan pelajar kepada elemen kemasyarakatan telahpun diperkenalkan seperti Khidmat Masyarakat, Kemahiran Kepimpinan dan Kemahiran Kerja Sosial. Subjek-subjek tersebut bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang bukan hanya dalam pelajaran tetapi juga mampu berinteraksi secara positif dengan masyarakat. Hal ini kerana setiap pelajar pada akhirnya akan kembali ke pangkuan masyarakat selepas tamat pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pelbagai aktiviti masyarakat yang melibatkan pelajar telah dilaksanakan oleh pelajar-pelajar yang mengambil kursus MPU seperti menyantuni fakir miskin, mendekati golongan yang istimewa termasuk warga emas, OKU, anak yatim dan lain-lain. Melalui adanya aktiviti-aktiviti seperti itu, mereka dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang mereka timba di dalam bilik kuliah ke dalam masyarakat. Kelebihan MPU telah menjadikan para pelajar ini lebih prihatin dan menyelami kehidupan masyarakat, sehingga masyarakat merasai kewujudan IPT dan memperoleh manfaat daripada kebersamaan ini.

Keyword: *MPU, UNISEL, Pelajar, Matlamat MPU*

### Pendahuluan

Malaysia merupakan salah satu negara yang sedang membangun menuju sebuah negara maju yang berpendapat tinggi, seiring dengan itu pembinaan jati diri bangsa, dan insan yang dapat membentuk insan yang berilmu, berkepribadian tinggi, berakhhlak mulia, berkemahiran berdaya saing dan berdaya tahan merupakan fokus utama dalam merealisasikan tujuan ini, kerjasama semua pihak dalam merealisasikan hasrat melahirkan warganegara yang tinggi patriotisme, berdaya saing, dan maju amat diperlukan. Untuk mencapai matlamat tersebut maka penawaran matapelajaran wajib (MPW) disemua IPT dalam Negara mesti dilakukan, sehubungan itu Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah menyemak kembali kurikulum MPW disemua IPT di

Malaysia. Maka Mata Pelajaran Umum yang berteraskan cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains social telah diperkenalkan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### **Sejarah Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)**

Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) merupakan mata pelajaran untuk kelayakan pra university di institusi pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Ianya merupakan mata pelajaran yang dahulunya dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW). Kementerian Pendidikan Malaysia secara rasmi telah mengumumkan sistem modular baru MPU mulai 1 September 2013 ke atas pelajar pengambilan kohort baru di semua IPT, manakala penawaran MPU menggunakan garis panduan MPU Edisi Kedua berkuat kuasa pada September 2017. MPU merupakan mata pelajaran umum yang ditetapkan dan dikendalikan oleh Majlis Pemeriksaan Malaysia, dan diperiksa oleh badan Peperiksaan Malaysia, yang kedua-duanya berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

MPU bukan hanya mata pelajaran yang wajib diambil oleh university awam malah ianya merupakan mata pelajaran yang diwajibkan untuk university swasta. Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) memperuntukkan bahawa setiap institusi pengajian tinggi swasta hendaklah mengajar MPU sebagai mata pelajaran wajib.

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menghendaki semua pelajar pendidikan tinggi di Malaysia sama ada pelajar tempatan ataupun antara bangsa mesti melengkapkan Pengajian umum sebagai prasyarat bagi penganugerahan sijil, diploma atau ijazah sarjana muda.

### **Konsep Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)**

Perancangan akademik masa kini mengusulkan supaya pengajian umum diperluaskan meliputi aspek-aspek penataran ilmu seperti kemahiran berkomunikasi, keterampilan penghayatan nilai-nilai murni dan sejarah serta pendedahan kepada bidang-bidang pengetahuan umum yang melampaui batas-batas disiplin ilmu tradisional, termasuk bidang baharu seperti seni falsafah dan bahasa asing supaya dapat melahirkan siswazah yang berfikiran luas, seimbang dan holistik yang dapat berdaya saing seiring dengan kemajuan dan teknologi yang moden. Dengan mengetengahkan MPU kepada para pelajar diharapkan dapat menguasai ilmu-ilmu yang dapat memberikan manfaat kepada agama bangsa dan negara.

Justeru, pengajian umum bermaksud program pendidikan prasiswazah yang bertujuan membekalkan pelajar dengan ilmu persediaan untuk hidup dalam masyarakat moden. Ilmu tersebut meliputi kefahaman tentang nilai-nilai mulia, sejarah dan tanggungjawab dalam masyarakat, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya mengaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari.

### Tujuan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)

Terdapat beberapa matlamat penubuhan MPU sebagai subjek umum yang wajib diambil oleh setiap pelajar antara matlamat MPU yang telah ditetapkan oleh kementerian pendidikan Malaysia ialah:

- i. Penyelarasan Mata pelajaran Wajib kepada MPU di IPT
- ii. Pembinaan Negara Bangsa;
- iii. Penguasaan dan Peluasan Kemahiran Insaniah
- iv. Pengukuhan dan Peluasan Pengetahuan di Malaysia
- v. Pengaplikasian Kemahiran Insaniah

berdasarkan tujuan di atas, maka Mata Pelajaran Umum (MPU) dibahagikan kepada empat kategori yang perlu disiapkan oleh semua pelajar (pelajar Malaysia dan antarabangsa) yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di Malaysia iaitu: U1,U2,U3 dan U4.

MPU	MATLAMAT
U1	Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah
U2	Penguasaan Kemahiran insaniah
U3	Perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia
U4	Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum

### Struktur Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)

Struktur MPU melibatkan pelaksanaan di peringkat sarjana Muda, Diploma dan Sijil. Pelajar diwajibkan lulus dan melengkapkan kelompok U1,U2,U3 dan U4 sebagai syarat untuk menamatkan pengajian . Perincian struktur pelaksanaan MPU seperti rajah 1.1 dibawah

#### Rajah 1 Struktur Pelaksanaan MPU

Tahap Pengajian	2 atau 3 kredit setiap kursus dalam kelompok U1 2 atau 3 kredit setiap kursus dalam kelompok U2 dan U3 2 kredit bagi setiap kursus dalam kelompok U4				
	U1	U2	U3	U4	Jumlah Kredit
Sarjana Muda, Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah Tahap 6	2 kursus (4-6 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 kredit)	10-14

KKM					
Diploma Lanjutan Tahap 5 KKM	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 kredit)	8-11
Sijil Tahap 3 KKM	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	-	6-9
Penawaran MPU bagi program Diploma Lanjutan, Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah adalah diwajibkan kepada pelajar yang belum pernah mengambil MPU pada peringkat pengajian sebelumnya. Jumlah kredit yang perlu diambil adalah seperti di tahap 3 iaitu 6-9 jam kredit					

### Pelaksanaan MPU DIKECUALIKAN kepada program-program berikut:

- i. Program akademik diperingkat sarjana dan kedoktoran;
- ii. Kursus jangka pendek
- iii. Program bukan penamat (non-terminal) seperti matrikulasi;
- iv. Program asasi (foundation) dan pelajar pra-universiti dikecualikan mengambil MPU kecuali bagi pelajar Malaysia yang berminat untuk melanjutkan pengajian ijazah sepenuhnya di luar negara mereka dikehendaki untuk melengkapkan Pengajian Umum di peringkat Sijil.
- v. Kursus professional dan ikhtisas (contoh: ACCA), bagi pelajar yang telah mengambil kursus di peringkat pengajian terdahulu; dan
- vi. Kursus professional dan ikhtisas (contoh: ACCA), bagi pelajar yang telah mengambil kursus MPU di peringkat pengajian terdahulu; dan
- vii. pemberian pengecualian MPU adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta yang perlu dipatuhi oleh IPT masing masing.

### SENARAI KURSUS

Antara kursus-kursus yang telah ditawarkan dalam MPU ialah:

- i. Hubungan etnik
- ii. Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS)
- iii. Pengajian Malaysia 1
- iv. Pengajian Malaysia 2
- v. Pengajian Malaysia 3
- vi. Bahasa Melayu Komunikasi 1
- vii. Bahasa Melayu Komunikasi 2

MPU bukan sahaja sebagai subjek akademik tetapi ia mempunyai peranan yang besar dalam membentuk pelajar yang holistik dan memiliki kemahiran insaniah (*softskills*) yang berguna. Melalui subjek-subjek yang ditawarkan dibawah MPU, pelajar-pelajar berpeluang mempelajari dan mengalami pelbagai kemahiran yang tidak dapat dipelajari di dalam bilik kuliah. Di samping itu, MPU membolehkan para pelajar berinteraksi dan berkomunikasi dengan komuniti luar kampus melalui penganjuran program-program yang bertemakan kemasyarakatan. Para pelajar berpeluang memupuk semangat tolong-menolong dan kesukarelawan bersama golongan-golongan masyarakat yang istimewa seperti fakir miskin, warga emas, OKU, anak yatim dan sebagainya. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa MPU berperanan untuk membentuk pelajar yang holistik dan cemerlang dari segi akademik dan kemahiran insaniah.

### **Melahirkan pelajar dengan pelbagai kemahiran**

MPU membolehkan pelajar memgembangkan pelbagai kemahiran yang penting. Kebanyakan pengkhususan mengehadkan pelajar untuk mempelajari sains, teknologi maklumat, kejuruteraan atau bidang lain yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, MPU memberi kebebasan kepada pelajar untuk membangunkan kemahiran-kemahiran dalam kesemua bidang tersebut. Pelajar yang mengambil MPU berpeluang mendedahkan diri kepada pelbagai program yang melibatkan pelbagai komuniti. Di Universiti Selangor (UNISEL), subjek Khidmat Masyarakat/ *Community Service* memerlukan pelajar yang mengambil kursus ini untuk menjalankan satu program kemasyarakatan yang melibatkan komuniti luar kampus. Penganjuran program seperti ini dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk berinteraksi dengan komuniti luar dan memperolehi pelbagai pengalaman yang berguna. Melalui penganjuran program seperti itu, pelajar akan didedahkan dengan proses pembuatan keputusan, pentadbiran program, pengurusan kewangan dan sebagainya. Melalui proses tersebut, para pelajar dapat memupuk pelbagai nilai positif seperti kemahiran memimpin dalam kumpulan, kerja berpasukan, semangat kesukarelawan, saling membantu, sikap keprihatinan dan sebagainya. Ini membolehkan pelajar terus mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah semasa di universiti.

### **Memupuk perpaduan pelajar**

MPU merupakan subjek wajib yang akan diambil oleh semua pelajar daripada pelbagai bidang pengajian dan latar belakang demografi yang berbeza. Mereka terdiri daripada pelajar yang berbeza dari segi program pengajian, kumpulan etnik, tempat asal, latar belakang keluarga dan sebagainya. Walau bagaimanapun, MPU telah berjaya menyatukan mereka ini di bawah satu bumbung yang sama. Walaupun mereka mempunyai latar belakang yang berbeza, mereka tetap dapat menjalinkan kerjasama dan saling tolong-menolong sepanjang kursus MPU dijalankan. Melalui kerja kursus subjek MPU yang diberikan kepada pelajar, mereka dapat berinteraksi dalam satu kumpulan yang sama dan bergading bahu menjalankan satu tugas yang diberikan. Contohnya melalui subjek Hubungan Etnik (HE), nilai-nilai perpaduan dan semangat kenegaraan

berjaya diterapkan kepada setiap pelajar melalui kerjasama yang melibatkan pelajar-pelajar daripada kumpulan etnik yang berbeza. Selain itu, pelajar yang mengambil HE juga berpeluang untuk memahami budaya masyarakat lain dan pada masa yang sama dapat memupuk nilai toleransi dan saling memahami.

### **Mencungkil bakat pelajar**

MPU memberi peluang kepada pelajar untuk membangun dan mengembangkan kemahiran, minat dan bakat masing-masing. Pelajar-pelajar mungkin tidak mempunyai peluang untuk keluar dari bilik kuliah untuk menjalankan aktiviti lain seperti aktiviti gotong-royong bersama komuniti setempat. Keadaan tersebut menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk mengalami perkara-perkara lain yang tidak dapat dipelajari di bilik kuliah. Melalui penyertaan dalam program kemasyarakatan MPU, pelajar dapat mempelajari perkara-perkara baharu yang berguna untuk mereka. MPU juga menyediakan platform kepada semua pelajar untuk mencungkil bakat masing-masing melalui subjek-subjek yang ditawarkan. Contohnya, subjek Kemahiran Kepimpinan membolehkan pelajar mempelajari mengenai kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh seorang pemimpin dan bakat kepimpinan pelajar dapat dipupuk melalui subjek ini. Selain itu, subjek sukan juga memberi peluang kepada IPT untuk mengenalpasti pelajar-pelajar yang mempunyai bakat dalam kesukanan dan boleh diketengahkan untuk menjadi atlet sukan yang profesional.

### **Nilai tambah kepada graduan**

Menurut tinjauan yang dilakukan oleh *JobStreet.com* pada tahun 2013, semakin ramai majikan melihat lebih daripada keputusan akademik ketika ingin mengambil graduan baru. Faktor penentu pertama adalah kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik, diikuti dengan bahasa Inggeris yang baik dan gaji dijangka yang tepat. Setiap tahun kira-kira 180,000 pelajar bergraduasi dari IPT. Selalunya terdapat jurang antara jangkaan majikan kepada graduan dan kualiti graduan yang dihasilkan. Rajah 1 menunjukkan keperibadian, sikap, personality merupakan antara sebab utama pengangguran graduan. Hampir 70 peratus daripada majikan berpendapat tahap kualiti dalam kalangan siswazah baharu hanya sederhana. Statistik tersebut menunjukkan para graduan mempunyai kekurangan dari segi kemahiran insaniah termasuk kemahiran interpersonal dan kemahiran berkomunikasi. Kemahiran insaniah yang dipelajari melalui MPU akan memberi nilai tambah kepada para pelajar selepas bergraduasi. Kelebihan tersebut berpotensi menjadikan mereka sebagai calon pekerjaan yang baik selepas bergraduasi, dimana kebolehan untuk mempelajari pelbagai kemahiran baharu yang dianggap bernilai bagi bakal majikan. Bagi graduan yang pernah mengambil MPU, pelbagai pengalaman yang diperolehi semasa penganjuran program kemasyarakatan boleh dimasukkan dalam resume, termasuk kemahiran tertentu yang telah diperolehi semasa berada di universiti.

## Top Reasons For Fresh Grad Unemployment

- 1 Asking for unrealistic salary/benefits (67%)
- 2 Poor character, attitude, or personality (60%)
- 3 Poor communication skills (55%)
- 4 Poor Command of English language (55%)
- 5 Lack of required skills (42%)

Rajah 2: Sebab-sebab utama pengangguran graduan

Sumber: Lim, J.

### Rujukan

Assessment and Qualification Alliance. (2012). *General studies*. Manchester, United Kingdom: Penulis. Diambil dari <http://filestore.aqa.org.uk/subjects/AQA-4760-W-SP-14.PDF>

Fung Shi Yuk-Hang, Yvonne. (2011). *General studies for primary schools curriculum guide*. Hong Kong:Curriculum development council. Diambil dari [http://www.edb.gov.hk/attachment/en/curriculum-development/kla/general-studies-for-primary/gs\\_p\\_guide\\_eng\\_300dpi-final%20version.pdf](http://www.edb.gov.hk/attachment/en/curriculum-development/kla/general-studies-for-primary/gs_p_guide_eng_300dpi-final%20version.pdf)

Hamza, K. M., & Wickman, P. (2007). *Describing and analyzing learning in action: An empirical study of the importance of misconceptions in learning science*. Wiley InterScience. Diambil dari <http://www3.interscience.wiley.com/cgi-bin/fulltext/115806896/PDFSTART>

Kementerian Pengajian Tinggi. (2016). *Garis panduan Mata Pelajaran Umum (MPU)*. Putrajaya, Malaysia: Penulis.

Kozowski, K. (2017). *Is general studies the best or worst major you can pick?* Diambil dari <http://www.collegeconfidential.com/is-general-studies-the-best-or-worst-major-you-can-pick/>

Lim, Junie. (2013). *Employers rank soft skills above academics*. Diambil dari <https://www.jobstreet.com.my/career-resources/employers-rank-soft-skills-academics/#.WUiI0pKGPIU>